

# Isrā' dan Mi'rāj

*“Subhānalladhī asrā bi ‘abdihi laylan min al-masjid*

*al-ḥarām ilā al-masjid al-aqṣā alladhī bāraknā*

*ḥawlahū linuriyahū min āyātīnā innahū huwa al-samī‘ al-baṣīr”.*

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Bulan Rajab yang berbahagia ini mempunyai keistimewaan di dalam Islam. Pada bulan Rajab inilah – sebagaimana yang sedia diketahui – telah berlaku satu mukjizat yang besar bagi Junjungan kita Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* – peristiwa Isrā' dan Mi'rāj.

Perjalanan Rasulullah pada malam hari (Isrā') dari Makkah al-Mukarramah ke Bayt al-Maqdis dengan dipandu oleh malaikat Jibril, dan kemudiannya dibawa naik (Mi'rāj) ke langit, hingga sampai ke Sidrat al-Muntaha untuk mengadap ke hadrat Allah *Rabb al-'Izzah*, adalah suatu kemuliaan yang tiada tertolak banding bagi Junjungan kita *khātim al-anbiyā' i wa al-mursalīn, Saydinā* Muḥammad bin 'Abdullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

## Isrā' dan Mi'rāj Menurut al-Qur'an al-Karim

Peristiwa yang besar ini dengan jelas terbentang di dalam al-Qur'an al-Karīm, dijelaskan oleh Allah 'Azza wa Jalla dengan firmanNya :

*“Subhānalladhī asrā bi ‘abdihi laylan min al-masjid al-ḥarām ilā al-masjid al-aqṣā alladhī bāraknā ḥawlahū linuriyahū min āyātīnā, innahū huwa al-samī‘ al-baṣīr”.* (1, Al-Isrā')


“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambanya (Muḥammad) pada malam hari dari Masjid al-Ḥarām (Makkah al-Mukarramah) ke Masjid al-Aqṣa (Bayt al-Maqdis) yang Kami limpahkan berkat sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya akan tanda-tanda kebesaran Kami, sesungguhnya ia (Allah 'Azza wa Jalla) amat mendengar, lagi amat melihat.”

Meskipun di dalam ayat suci ini hanya dijelaskan mengenai “Isrā' ” dari Makkah ke Bayt al-Maqdis sahaja tetapi di dalam surah al-Najm ada menyatakan tentang Mi'rāj ke langit - dan ketika itu Rasulullah telah melihat Jibril di sisi “Sidrat al-Muntahā”. Tentang ini Allah 'Azza wa Jalla berfirman:

*Wa al-najmi idhā hawā. Mā ḍalla ṣāḥibukum wa mā ghawā. Wa mā yanṭiqu ‘an al-hawā. In huwa illā wahyun yūḥā. ‘Allamahū shadīdu al-quwā. Dhū mirratīn fastawā. Wahuwa bi al-ufuqi al-‘alā. Thumma danā fatadallā. Fakānaqāba qawsayni aw adnā. Fa ‘auḥā ilā ‘abdihi mā awḥā. Mā kadhāba al-fu‘ādu mā ra ‘ā. Afatumārūnahū ‘alā mā yarā. Wa laqad ra ‘āhu nazlatan ukhrā. ‘Inda sidrati al-muntahā. ‘Indahā jannatu al-ma’wā. Idh yaghshā al-sidrata mā yaghshā. Mā zāgha al-baṣaru wa mā ṭaghā. Laqad ra ‘ā min āyāti rabbīhi al-kubrā. (1-18, al-Najm).*

Ertinya: “Demi bintang, apabila ia menjunam. Tidak tersesat rakanmu itu (Muhammad) dan tidak pula salah kepercayaannya. Dan tidak ia berkata-kata menurut hawa nafsunya. Ia (Qur‘ān itu) tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan. Ia (Nabi Muhammad) telah diajar oleh yang gagah perkasa (Jibril). Yang berupa elok lalu menzahirkan dirinya dengan sempurna. Sedang ia dipihak atas yang amat tinggi. Kemudian ia menghampiri dan rapat (kepada Muhammad). Maka adalah rapatnya itu sekadar dua busaran panah atau lebih rapat lagi. Lalu (Allah)

mewahyukan kepada hambanya (Muhammad dengan perantaraan Jibril) akan apa yang ia wahyukan. Hatinya (Muhammad) tidak mendustakan apa yang ia lihat. Adakah kamu hendak membantahnya tentang apa yang ia lihat? Sungguhnya ia (Muhammad) telah melihat akan dia (Jibril) sekali lagi. Di sisi Sidrat al-Muntahā. Yang berhampirannya (terletak) syurga “Jannat al-Ma‘wā”. Tatkala Sidrat al-Muntahā itu diliputi oleh sesuatu yang meliputi. Tidak berpaling penglihatan (Muhammad) (daripada apa yang dibenarkan melihatnya) dan tidak pula ia melampau. Sesungguhnya ia (Muhammad) telah



Masjid al-Ḥarām – Makkah al-Mukarramah. Di tengahnya kelihatan dengan hebatnya bangunan Ka‘abah – Baitullah, yang menjadi kiblat umat Islam diseluruh dunia. Dari Masjid al-Ḥarām inilah Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah dibawa “Isrā’ ” ke Bayt al-Maqdis dan dari sana naik “Mi‘rāj” menembusi tujuh petala langit.

melihat sebahagian tanda-tanda (kekuasaan) tuhan yang besar.”

### **Isrā' dan Mi' rāj Menurut Hadith**

Sebagaimana kisah berlakunya “Isrā' dan Mi' rāj” dijelaskan oleh Allah *'Azza wa Jalla* di dalam *al-Qur'ān al-Karīm*, maka peristiwa itu telah dijelaskan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* di dalam *al-Hadith al-Sharīf*.

Banyak hadis-hadis Nabi – sebagaimana yang diriwayatkan oleh Bukhārī, Muslim dan lain-lainnya – yang menyebutkan perihal “Isrā' dan Mi' rāj” ini, diriwayatkan daripada kira-kira empat puluh sahabat-sahabat Rasūl Allāh, di antara mereka ialah: Anas bin Mālik, Ubay bin Ka'ab, Jābir bin Abdullah, Ibn 'Abbās, Ibn 'Umar, Ibn Mas'ud, Ibn 'Amrū, 'Umar al-Khaṭṭab, 'Alī bin Abī Ṭālib, 'Ā'ishah, Asmā', Ummu Hānī', Ummu Salmah dan lain-lain lagi.

Ringkasan kisah “Isrā' dan Mi' rāj” – berdasarkan hadith-hadith Nabi – adalah seperti berikut:

Dalam masa Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* sedang berbaring di antara Saiyidinā Ḥamzah dan Saiyidinā 'Alī di sisi Ka'abah. Tiba-tiba datang malaikat Jibril membawa “Burāq” lalu diminta Nabi Muḥammad menunggangnya dan ia mengiringi Baginda dalam perjalanan itu. Apabila tiba di Madinah, Jibril pun memberitahu Junjungan kita bahawa inilah negeri tempat Baginda berhijrah kelak dan disinilah juga tempat kuburnya. Kemudian mereka tiba pula di Bukit Ṭur Sina lalu dikhabarkan oleh Jibril bahawa bukit inilah Tuhan telah berkata-kata dengan Nabi Musa Kalīmullah, dan setelah tiba di Bayt Laḥm maka dikhabarkan oleh Jibril bahawa disinilah tempat Nabi 'Isa al-Maseh diperanakan. Akhirnya tibalah mereka di Bayt al-Maqdis, lalu turun di Masjid al-Aqsa, kemudian Junjungan kita masuk ke masjid lalu didapati banyak orang (Nabi-Nabi dan malaikat).

Di dalamnya seolah-olah mereka menunggu imam.

Maka Jibril pun mempersilakan Junjungan kita menjadi imam. Sesudah sembahyang, masing-masing berdoa ke hadrat Allah *'Azza wa Jalla* dan mereka pun berkenal-kenalan antara satu dengan yang lain.

Setelah itu, Junjungan kita bersama-sama dengan Jibril pun keluar ke halaman Masjid al-Aqsa itu, lalu dibawakan kepadanya tiga jenis minuman: Arak, susu dan madu, Yang Mulia telah memilih air susu lalu diminumnya. Pilihannya ini telah dipuji oleh Jibril, kerana katanya bersempena baik baginya dan bagi umatnya.

### **Mi' rāj ke Langit**

Hadis-hadis Nabi-Nabi itu menjelaskan lagi:

Bahawa Junjungan kita Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam* dengan ditemani oleh malaikat Jibril telah naik ke langit dan menyaksikan segala ajaib yang ada di dalamnya.

Rasulullah dengan ditemani oleh Jibril telah naik ke langit dengan menggunakan tangga ajaib atau “Mi' rāj”. (Menurut hadis yang lain Baginda naik ke langit dengan menunggang “Burāq” itu juga. Kalau manusia boleh menggunakan roket yang laju dan dapat mengelilingi dunia dalam satu dua jam atau sampai ke bulan dalam sekian-sekian masa, maka Mi' rājnya Rasulullah ke langit pergi dan balik pada malam itu juga tidaklah mustahil. Kerana Junjungan kita dalam perjalanannya menembusi tujuh petala langit itu ialah dengan kehendak Allah *'Azza wa Jalla* yang menciptakan seluruh alam).

Di langit pertama, Rasulullah telah berjumpa dengan Nabi Adam, di langit kedua berjumpa dengan Nabi-Nabi 'Isā dan Yahyā, di langit ketiga berjumpa dengan Nabi Yūsuf, di langit keempat berjumpa dengan Nabi Idrīs

di langit kelima berjumpa dengan Nabi Hārūn, dilangit keenam berjumpa dengan Nabi Mūsā dan dilangit ketujuh berjumpa dengan Nabi Ibrāhīm- *'alayhimu al-ṣolātu wa al-salām*.

Di langit yang ketujuh juga telah diperlihatkan kepada junjungan kita akan “al-Bayt al-Ma‘mūr” tempat malaikat beribadah. Di sini juga Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah dibawa masuk ke syurga, dan telah menyaksikan segala nikmat dan kesenangan yang telah disediakan bagi hamba-hamba Allah yang taat, iaitu kesenangan dan nikmat-nikmat yang tidak pernah dilihat oleh mata, dan tidak pernah didengar oleh telinga, bahkan tidak pernah terlintas dihati manusia.

Demikian juga telah diperlihatkan neraka kepada Baginda dan azab-azab yang disediakan bagi orang-orang yang melakukan maksiat.

#### **Ke Sidrat al-Muntahā**

Setelah itu Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, telah dibawa oleh Jibril ke Sidrat al-Muntaha, disana Yang Mulia telah mendengar akan suara kalam-kalam menulis, dan di sana juga Jibril berhenti. Rasulullah seorang diri telah diangkat ke tempat yang lebih tinggi dan lebih mulia, dan di sana Baginda sujud ke hadrat Allah *Rabb al-‘Izzah*, sambil memuji dan bersyukur kepada Allah Ta‘āla atas limpah kurnia-Nya yang besar itu.

Di sinilah Yang Mulia telah difardukan atasnya sembahyang yang lima waktu, dan di atas sekalian umatnya.

Setelah selesai, Rasulullah turun kembali ke dunia dengan ditemani oleh Jibril. Rasulullah bersama-sama Jibril telah sampai ke Bayt al-Maqdis lalu berangkat ke Mekah dan tiba di Tanah Suci Makkah al-Mukarramah pada malam itu juga. (Menurut riwayat yang masyhur malam itu ialah malam 27 Rajab, tahun yang ke sebelas sebelum Hijrah).

#### **Dengan Roh dan Jasad**

Peristiwa yang besar ini telah menjadikan kaum musyrikin bergelak-gelak mendengarnya, apabila Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* menceritakan kejadian itu pada keesokan harinya. Bahkan ada beberapa orang Islam yang telah murtad dan mendustakannya. Tetapi orang-orang Islam yang terbanyak, yang penuh dadanya dengan nur iman telah menerimanya terutama Saiyidinā Abū Bakar *al-ṣiddīq raḍīya allāhu ‘anhu* yang telah tampil dan tegak-tegak menegaskan di hadapan kaum musyrikin bahawa ia membenarkan segala berita yang dikhabarkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* berkenaan Isrā’ dan Mi‘rāj dan membenarkan lebih daripada itu. Semenjak itu, Saiyidinā Abū Bakar bergelar “Al-Ṣiddīq” (yang amat benar dan yang amat membenarkan).

Umat Islam telah menerima dengan sebulat kata, bahawa Junjungan Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah Isrā’ dan Mi‘rāj dengan “roh dan jasadnya” kecuali suatu puak kecil yang ganjil jalan fikirannya mengatakan dengan “roh” sahaja.

Kalau dengan roh sahaja tentulah kejadian itu tidak akan diketawakan oleh kaum musyrikin sebagaimana yang telah berlaku ketika Nabi menceritakannya sendiri, malah akan diterima oleh segala pihak, kerana semua ada bermimpi: Ada yang menjelajah dunia dari satu benua ke satu benua, ada yang terbang mengawan, ada pula yang menjunam ke dasar laut, dan berbagai-bagai lagi mimpi yang pelik-pelik belaka. Tetapi apabila diceritakan perkara itu kepada sahabat handai atau kepada orang ramai, sudah tentu tidak ada sesiapa yang akan mendustakannya atau berasa pelik, kerana kejadian itu berlaku dalam mimpi atau dengan perantaraan “roh” sahaja.

Kalau dengan roh sahaja tentulah tidak menjadi suatu perkara yang pelik atau suatu mukjizat yang istimewa bagi Junjungan kita *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Pada hal di dalam *al-Qur‘ān al-Karīm* ada dinyatakan dengan tegas (dalam ayat “*subḥānalladhī asrā bi ‘abdihi.....*” yang tersebut di atas), bahawa yang dibawa “Isrā’ ” dari Masjid al-Ḥarām Makkah ke Bayt al-Maqdis ialah “ ‘abdihi” (hambanya), iaitu junjungan Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, yang lengkap dengan ruh dan jasadnya sekali. Kerana seseorang manusia itu, belum boleh dipanggil ((manusia)) atau ((orang)) atau pun ((hamba Allah)) melainkan mestilah lengkap dengan roh dan jasadnya sekali.

Ayat suci ini juga memberi penjelasan bahawa peristiwa itu ialah penghormatan yang besar bagi junjungan kita untuk memperlihatkan kepadanya akan tanda-tanda kebesaran Allah ‘*Azza wa Jalla* yang ajaib dan indah itu di sepanjang perjalanan tersebut.

Bertambah jelas lagi apabila di dalam surah al-Najm pula (baca ayat-ayat pada bahagian yang lalu) diterangkan bahawa junjungan kita telah melihat Jibril (dengan rupanya yang asal) pada malam Mi‘rāj itu, berhampiran dengan “Sidrat al-Muntahā”. (menurut hadis-hadis riwayat Ahmad, Muslim, al-Tirmidhī, dan lain-lainnya bahawa pokok atau pohon Sidrat al-Muntahā itu terletak di langit yang ketujuh).

### **Hikmah Isrā’ dan Mi‘rāj**

Sesungguhnya peristiwa Isrā’ dan Mi‘rāj itu ialah suatu mukjizat (kejadian luar biasa) dan suatu kehormatan yang tidak bertolak banding bagi junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Peristiwa ini mengandungi hikmah-hikmah dan rahsia yang tidak terhitung banyaknya, tetapi yang terbesarnya ialah kerana hendak melaporkan dan meneguhkan azam Junjungan kita supaya sabar akan segala penderitaan yang telah ditimpakan oleh kaum Musyrikin yang kejam itu, dan membayangkan kepadanya bahawa lambat sangat ia akan mencapai kejayaan yang cemerlang!

Ada suatu perkara yang sangat besar ertinya telah berlaku pada malam Isrā’ dan Mi‘rāj ini. Perkara itu ialah sembahyang yang lima waktu. Kalau lain-lain perkara yang telah difardukan atas Junjungan kita dan umatnya disampaikan oleh Jibril di dunia, maka sembahyang yang lima waktu telah difardukan di atas langit yang ketujuh setelah Rasulullah dipersilakan naik pada malam itu.

Mengenangkan ini dapatlah difikirkan bagaimana beratnya fardu sembahyang itu dan bagaimana berat dosa orang yang meninggalkannya. Kedudukan sembahyang di dalam Islam makin bertambah jelas apabila kedatangan berpuluh-puluh ayat di dalam *al-Qur‘ān al-Karīm* menyuruh mengerjakannya, sedang Rasulullah sendiri telah menamakannya tiang agama:

***“Al-ṣolātu ‘imādu al-Dīn, faman aqāmahā faqad aqāma al-dīn, wa man tarakahā faqad hadama al-dīn”.***

“Sembahyang itu tiang agama, maka barangsiapa mendirikannya sesungguhnya ia telah mendirikan agama, dan barang siapa meninggalkannya maka sesungguhnya ia telah meruntuhkan agama”.

